

Tekanan Ekonomi, Konflik Perkahwinan dan Kesejahteraan Mental dalam Kalangan Isteri Penagih Dadah B40 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal

by Haikal Anuar Adnan

Submission date: 01-Jul-2024 12:26PM (UTC+0800)

Submission ID: 2411033146

File name: ebangi12_Clean_Version.docx (154.27K)

Word count: 5231

Character count: 33525

Artikel

Tekanan Ekonomi, Konflik Perkahwinan dan Kesejahteraan Mental dalam Kalangan Isteri Penagih Dadah B40 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal (*Economic Strain, Marital Conflict and Mental Wellbeing Among B40 Wives of Drug Addicts in Malaysia: A Preliminary Study*)

Haikal Anuar Adnan^{1,3}, Zarinah Arshat^{1,2*}, Rumaya Juhari^{1,2}, Zainal Madon^{1,2} & Nurul Saidatus Shaja'ah Ahmad Shahril¹

¹⁶ Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

¹⁶ Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak (FACE), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

³⁷ Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

*Pengarang Koresponden: zarinah_upm@upm.edu.my

Abstrak: Penyalahgunaan dadah merupakan satu isu sosial yang memberi impak bukan sahaja kepada penagih, malahan terhadap sistem keluarga. Dalam sistem kekeluargaan pula, antara individu yang paling terkesan akibat penagihan dadah adalah isteri. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan di negara Barat, antara impak penagihan dadah terhadap isteri adalah tekanan ekonomi, konflik dalam perkahwinan dan isu berkaitan kesejahteraan mental. Di samping itu, berdasarkan sorotan terhadap kajian lepas, kajian-kajian lepas yang memfokuskan kepada isteri penagih dadah khususnya dalam konteks negara Malaysia didapati masih berkurangan. Sehubungan itu, objektif utama kajian ini adalah mengenalpasti tahap tekanan ekonomi, konflik perkahwinan dan kesejahteraan mental dalam kalangan isteri penagih dadah B40 di Malaysia. Pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dengan melibatkan seramai 132 orang responden. Alat ujian yang digunakan adalah *Economic Strain Scale*, subskala konflik perkahwinan yang terdapat dalam *Braiker's Maritally Partnership Questionnaire* dan *Short Warwick-Edinburgh Mental Well-being Scale* (SWEMWBS). Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27. Hasil kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap tekanan ekonomi, konflik perkahwinan dan kesejahteraan mental yang sederhana. Hasil kajian ini dilihat dapat memberikan gambaran awal terhadap pengkaji dan pengamal psikologi di Malaysia dalam melakukan kajian dan membentuk intervensi yang bersesuaian khusus bagi golongan isteri penagih dadah B40 di Malaysia.

Kata kunci: Tekanan Ekonomi, Konflik Perkahwinan, Kesejahteraan Mental, Isteri Penagih Dadah B40

Abstract: Drug abuse is a social issue that impacts not only the addicts but also the family system. Within the family system, the individuals most affected by drug addiction are the wives. Based on previous studies conducted in Western countries, the impacts of drug addiction on wives include economic strain, marital conflict, and issues related to mental well-being. Furthermore, a review of past studies indicates that there is a lack of research focusing specifically on the wives of drug addicts in the context of Malaysia. Therefore, the main objective of this study is to identify the levels of economic strain, marital conflict, and mental well-being

among the wives of B40 drug addicts in Malaysia. The study sample was selected using purposive sampling, involving 132 respondents. The instruments used were the Economic Strain Scale, The Marital Conflict Subscale from the Braiker-Kessler Partnership Questionnaire, and the Short Warwick-Edinburgh Mental Well-being Scale (SWEMWBS). The data obtained were analyzed descriptively using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 27. The findings of the study indicate that the majority of respondents experience moderate levels of economic pressure, marital conflict, and mental well-being. These findings provide an initial understanding for researchers and psychological practitioners in Malaysia to conduct further studies and develop appropriate interventions specifically for the wives of B40 drug addicts in Malaysia.

Keywords: Economic Strain, Marital Conflict, Mental Wellbeing, B40 Drug Addicts Wife

Pengenalan

Isu penagihan dadah merupakan isu global yang sentiasa menjadi perhatian pengkaji dalam bidang sains sosial. Penagihan dadah sering dikaitkan dengan pelbagai kesan negatif bukan sahaja kepada diri penagih, malahan kepada individu yang terdapat dalam ruang lingkup kehidupan mereka. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (2023), sebanyak 145, 526 rakyat Malaysia telah terlibat dengan isu penagihan dadah pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 139, 208 orang (95.7%) adalah lelaki manakala sebanyak 6, 318 orang adalah perempuan. Dari segi umur pula, majoriti penagih dadah di Malaysia adalah dalam kategori belia iaitu antara 19 hingga 39 tahun. Data daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (2023) juga menunjukkan majoriti penagih dadah terdiri daripada penganggur iaitu sebanyak 27.1%. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh AADK ini, dapat digambarkan bahawa penagih dadah berkemungkinan berada dalam fasa perkahwinan dan diandaikan bahawa isteri kepada penagih dadah adalah lebih ramai berbanding suami kepada penagih dadah. Sehubungan itu, kajian yang melibatkan isteri penagih dadah perlu dilakukan memandangkan golongan ini merupakan satu kelompok yang berisiko berhadapan dengan pelbagai isu negatif dalam kehidupan.

Sementara itu, ahli keluarga atau isteri kepada penagih dadah merupakan antara sistem sokongan terpenting dalam membantu pemulihan penagih dadah (Fauziah Ibrahim et al., 2017; Wan Shahrazad Wan Sulaiman et al., 2021). Walaubagaimanapun, keterlibatan suami dalam penagihan dadah memberi impak negatif terhadap sistem kekeluargaan (Nurul Saidatus Shaja'ah Ahmad Shahril et al., 2023). Dalam sistem kekeluargaan penagih dadah, kajian yang dilakukan Bortolon et al. (2016) mendapati individu yang paling terkesan akibat penagihan dadah adalah isteri berbanding dengan ahli keluarga yang lain. Manakala dapatan kajian oleh Ólafsdóttir et al. (2018) mendapati keluarga penagih dadah yang berpendapatan rendah cenderung mengalami tekanan hidup yang lebih tinggi berbanding dengan keluarga penagih dadah yang berpendapatan tinggi. Disamping itu, melalui sorotan kajian-kajian lepas, isteri penagih dadah berhadapan dengan pelbagai peristiwa negatif yang menimbulkan tekanan dalam kehidupan seperti tekanan ekonomi (Bekircan & Tanriverdi, 2019; Fereidouni et al., 2015; Noori et al., 2015; Sarkar et al., 2016; Schultz & Alpaslan, 2020; Ventura et al., 2017); konflik perkahwinan (Bekircan & Tanriverdi, 2019; Carney et al., 2021; Fathi et al., 2020; Fereidouni et al., 2015; Isaacs et al., 2019; Ólafsdóttir, 2020; Sarkar et al., 2016; Subekti et al., 2021; Ventura et al., 2017; Wilson et al., 2019); dan isu berkaitan kesejahteraan mental (Bortolon et al., 2016; Carney et al., 2021; Fathi et al., 2020; Noori et al., 2015; Ólafsdóttir et al., 2018; Ólafsdóttir, 2020; Sarkar et al., 2016; Schultz & Alpaslan, 2020; Soares et al., 2016; Ventura et al., 2017; Vilela et al., 2019; Wilson, Lubman, et al., 2017). Walaubagaimanapun, melalui sorotan kajian lepas yang telah dilakukan mendapati kajian yang memfokuskan kepada isteri penagih dadah khusus dalam kelompok keluarga berpendapatan rendah di negara Malaysia masih berkurangan. Hal ini telah menimbulkan satu persoalan apakah tahap tekanan ekonomi, konflik perkahwinan dan kesejahteraan mental dalam kalangan isteri penagih dadah B40 di Malaysia. Hal ini kerana faktor sosio budaya dalam masyarakat di sesebuah negara mempengaruhi bagaimana seseorang individu berfikir, berperasaan dan bertindak laku (Bubolz & Sontag, 2009).

Tekanan ekonomi secara umumnya dapat didefinisikan sebagai persepsi individu terhadap ketidakcukupan kewangan serta kebimbangan terhadap aspek kewangan (Mills et al., 1992). Dalam konteks

tekanan ekonomi isteri penagih dadah, antara punca berlakunya tekanan ekonomi dalam kalangan isteri penagih dadah adalah disebabkan kegagalan suami menjalankan tanggungjawab seperti menyediakan keperluan kewangan kepada keluarga (Bekircan & Tanriverdi, 2019; Maina et al., 2021; Schultz & Alpaslan, 2020; Ventura et al., 2017). Disamping itu, jumlah wang diperuntukkan untuk membeli dan menggunakan dadah yang tinggi berkemungkinan menyebabkan suami yang menagih dadah sukar untuk menyediakan sumber kewangan secukupnya kepada keluarga (Fereidouni et al., 2015). Konflik perkahwinan pula secara umumnya dapat didefinisikan sebagai perlawanan, pertembungan, persengketaan, perselisihan dan pertengkaran antara pasangan suami isteri (Olugbenga & Oluwatosin, 2018). Dalam konteks konflik perkahwinan dengan penagihan dadah, penagihan dadah menyebabkan hubungan antara pasangan sentiasa berkonflik kerana mewujudkan keadaan yang menekankan (Bekircan & Tanriverdi, 2019; Carney et al., 2021; Maina et al., 2021; Schultz & Alpaslan, 2020; Ventura et al., 2017; Wilson et al., 2019). Hubungan yang berkonflik ini dapat dicirikan melalui tindakan ganas dan agresif penagih terhadap isteri. Selain itu, kajian lepas juga mendapati penagih dadah sering melakukan kekerasan secara fizikal terhadap pasangan mereka (Fathi et al., 2020; Subekti et al., 2021; Ventura et al., 2017). Kajian oleh Ólafsdóttir (2020) pula mendapati impak penagihan dadah terhadap perkahwinan boleh menyebabkan kejituan perkahwinan berkurangan dan masalah komunikasi berlaku. Sementara itu, konsep kesejahteraan mental dapat didefinisikan sebagai kehadiran simptom sama ada perasaan positif atau kefungsian positif dalam kehidupan (Sirgy, 2021). Perkaitan antara penagihan dadah dan kesejahteraan mental yang rendah berpunca daripada pelbagai faktor iaitu pengalaman stres yang ekstrim bersama suami seperti suami mengabaikan tanggungjawab, diperlakukan secara agresif, perlu mengambil alih peranan sebagai ketua keluarga (Schultz & Alpaslan, 2020); kejituan perkahwinan berkurang dan kemusnahan komunikasi dalam keluarga (Schultz & Alpaslan, 2020); kebergantungan yang tinggi terhadap suami (Da Costa et al., 2017); dan tekanan ekonomi (Sarkar et al., 2016). Sehubungan itu, berdasarkan senario yang telah dibincangkan, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti profil demografi isteri penagih dadah B40 di Malaysia.
2. Mengenalpasti tahap tekanan ekonomi, konflik perkahwinan dan kesejahteraan mental isteri penagih dadah B40 di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan pendekatan keratan rentas. Satu set soal selidik telah ditadbir kepada responden bagi mendapatkan data yang diperlukan. Responden telah dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Antara kriteria pemilihan responden adalah: (a) isteri B40 kepada penagih dadah yang berada dalam pusat pemulihan dadah (PUSPEN), (b) isteri B40 yang tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah, (c) berbangsa Melayu, dan (d) mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berumur 0-17 tahun yang tinggal bersama. Seramai 132 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Bagi mengukur pemboleh ubah kajian, alat ujian yang digunakan adalah *Economic Strain Scale*, subskala konflik perkahwinan yang terdapat dalam *Braiker-Kelly Partnership Questionnaire* dan *Short Warwick-Edinburgh Mental Well-being Scale (SWEMWBS)*. Kebenaran daripada penulis asal alat ujian telah diperoleh sebelum alat ujian digunakan. Disamping itu, alat ujian yang digunakan telah dialih bahasa ke bahasa Melayu menggunakan kaedah penterjemahan kembali oleh Pusat Kemajuan Kompetensi Bahasa, UPM. Kesahan kandungan alat ujian telah diperoleh melalui penilaian oleh dua orang pakar dalam bidang psikologi perkembangan dan pembangunan manusia.

Sebelum menjalankan pengumpulan data kelulusan etika telah diperoleh daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Melibatkan Subjek Manusia Universiti Putra Malaysia (Jawatankuasa Etika Universiti Penyelidikan Melibatkan Manusia). Setelah mendapat pelepasan etika, kebenaran daripada Agensi Antidadah Kebangsaan telah diperoleh bagi membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat isteri daripada penagih yang sedang mendapatkan rawatan di PUSPEN. Setelah maklumat isteri diperoleh, isteri penagih dadah telah dihubungi melalui telefon bagi mendapatkan persetujuan untuk terlibat dalam kajian. Seterusnya, set soal selidik telah diedarkan secara atas talian dengan menggunakan "Google form" kepada responden yang bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini bagi membolehkan pengumpulan data dilakukan. Data yang diperoleh

telah dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27. Disamping itu, satu kajian rintis yang melibatkan seramai 30 orang responden telah dilakukan sebelum kajian sebenar dilakukan. Nilai alfa *Cronbach's* bagi mengukur kebolehpercayaan alat ujian *Economic Strain Scale* kajian rintis adalah 0.83 manakala nilai alfa *Cronbach's* bagi kajian sebenar adalah 0.89. Bagi alat ujian *Braiker-Kelly Partnership Questionnaire* pula, nilai alfa *Cronbach's* kajian rintis adalah 0.84 serta 0.89 bagi kajian sebenar. Manakala nilai alfa *Cronbach's* bagi alat ujian *Short Warwick-Edinburgh Mental Well-being Scale (SWEMWBS)* adalah 0.68 bagi kajian rintis serta 0.83 bagi kajian sebenar.

Hasil Kajian

1. Profil Demografi Responden

Berdasarkan Jadual 1, negeri tempat tinggal responden yang terlibat dalam kajian ini adalah Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Kuala Lumpur. Majoriti responden didapati menetap di Johor (28.8 peratus, n=38), diikuti dengan responden yang menetap di Terengganu (16.7 peratus, n=22), dan Kelantan (12.9 peratus, n=17). Sementara itu, negeri tempat tinggal responden yang paling sedikit adalah Melaka (1.5 peratus, n=2).

Jadual 1. Negeri tempat tinggal responden

Negeri tempat tinggal (n=132)	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Johor	38	28.8
Kedah	16	12.1
Kelantan	17	12.9
Melaka	2	1.5
Pahang	11	8.3
Perak	11	8.3
Pulau Pinang	5	3.8
Selangor	4	3.0
Terengganu	22	16.7
Kuala Lumpur	6	4.5

Dari aspek umur (Jadual 2), majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini didapati berumur dalam lingkungan 31 tahun hingga 40 tahun (44.7 peratus, n=59), diikuti responden yang berumur dalam lingkungan 21 tahun hingga 30 tahun (28.0 peratus, n=37), serta responden yang berada dalam lingkungan umur 41 tahun hingga 50 tahun (24.2 peratus, n=32). Peratusan lingkungan umur yang terendah adalah bagi responden yang berada dalam lingkungan umur bawah 20 tahun (0.8 peratus, n= 1) serta responden yang berada dalam lingkungan umur 50 tahun dan ke atas (2.3 peratus, n=3). Nilai purata umur bagi responden adalah 35.45 dengan nilai sisihan piawai adalah 7.79.

Jadual 2. Umur responden

Umur (n=132)	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Bawah 20 tahun	1	0.8
21 hingga 30 tahun	37	28.0
31 hingga 40 tahun	59	44.7
41 hingga 50 tahun	32	24.2
50 tahun dan ke atas	3	2.3
Min		35.45
Sisihan piawai		7.79

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan tahap pendidikan responden. Dapatan kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap pendidikan menengah atas (48.5 peratus, n=64), diikuti menengah rendah (26.5 peratus, n=35), diploma (9.8 peratus, n=13), sijil (7.6 peratus, n=10), ijazah sarjana muda (4.5 peratus, n=6), sekolah rendah (2.3 peratus, n=3) dan ijazah sarjana (0.8 peratus, n=1). Nilai purata jumlah tahun pendidikan responden adalah 11.29 dengan nilai sisihan piawai adalah 2.04.

Jadual 3. Tahap pendidikan responden

Tahap pendidikan (n=132)	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Sekolah rendah	3	2.3
Menengah rendah	35	26.5
Menengah atas	64	48.5
Sijil	10	7.6
Diploma	13	9.8
Ijazah sarjana muda	6	4.5
Ijazah sarjana	1	0.8
Min	11.29	
Sisihan piawai	2.04	

Sementara itu, Jadual 4 menunjukkan majoriti responden didapati berada dalam kelompok tempoh perkahwinan 6 tahun hingga 10 tahun (27.3 peratus, n=36), diikuti tempoh perkahwinan lingkungan kurang dari 5 tahun dan tempoh perkahwinan 11 tahun hingga 15 tahun (22.7 peratus, n=30), tempoh perkahwinan lingkungan 16 tahun hingga 20 tahun (12.9 peratus, n=17), dan tempoh perkahwinan 21 tahun hingga 25 tahun (7.6 peratus, n=10). Manakala tempoh perkahwinan terendah responden adalah bagi lingkungan tempoh lebih dari 31 tahun (0.8 peratus, n=1) dan bagi tempoh 26 hingga 30 tahun (6.1 peratus, n=8). Nilai purata bagi tempoh perkahwinan responden bagi kajian ini adalah 143.29 bulan atau bersamaan dengan 11.94 tahun dengan nilai sisihan piawai adalah 88.99.

Jadual 4. Tempoh perkahwinan responden

Tempoh perkahwinan (n=132)	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Kurang dari 5 tahun	30	22.7
6 hingga 10 tahun	36	27.3
11 hingga 15 tahun	30	22.7
16 hingga 20 tahun	17	12.9
21 hingga 25 tahun	10	7.6
26 hingga 30 tahun	8	6.1
Lebih dari 31 tahun	1	0.8
Min	143.29 (bulan)	
Sisihan piawai	88.99	

Dari aspek bilangan anak yang berusia 17 tahun ke bawah (Jadual 5), majoriti responden didapati mempunyai tiga orang anak yang berusia 17 tahun ke bawah (29.5 peratus, n=39), diikuti dua orang anak (24.2 peratus, n=32), seorang anak (22.0 peratus, n=29) dan empat orang anak (16.7 peratus, n=22). Responden yang mempunyai bilangan anak berusia 17 tahun ke bawah yang terendah adalah bagi enam orang anak (0.8 peratus, n=1), diikuti tujuh orang anak (1.5 peratus, n=2) dan lima orang anak (5.3 peratus, n=7).

Jadual 5. Bilangan anak berusia 17 tahun ke bawah

Bilangan anak berusia 17 tahun ke bawah (n=132)	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Seorang	29	22.0
Dua orang	32	24.2
Tiga orang	39	29.5
Empat orang	22	16.7
Lima orang	7	5.3
Enam orang	1	0.8
Tujuh orang	2	1.5

Jadual 6 pula menunjukkan peratusan responden mengikut jenis perkerjaan. Dapatan kajian mendapati majoriti responden adalah tidak bekerja dan bekerja sendiri iaitu masing-masing sebanyak 30.3 peratus (n=40) diikuti dengan bekerja dalam sektor swasta (24.2 peratus, n=32) (Jadual 6). Peratusan responden yang terendah adalah bagi jenis perkerjaan dalam sektor pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) iaitu masing-masing sebanyak 0.8 peratus (n=1) diikuti lain-lain pekerjaan iaitu sebanyak 3.8 peratus (n=5).

Jadual 6. Jenis Pekerjaan responden

Pekerjaan (n=132)	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tidak bekerja	40	30.3
Bekerja sendiri	40	30.3
Sektor kerajaan	13	9.8
Sektor swasta	32	24.2
Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)	1	0.8
Syarikat berkaitan kerajaan (GLC)	1	0.8
Lain-lain	5	3.8

Pendapatan bulanan keluarga menunjukkan majoriti responden mempunyai pendapatan bulanan bawah daripada RM2500 (92.4 peratus, n=122) (Jadual 7) dengan nilai purata pendapatan bulanan responden adalah RM977.38 dan nilai sisihan piawai adalah 859.44 manakala nilai purata bagi pendapatan bulanan keluarga adalah RM1117.94 dan nilai sisihan piawai 837.60. Ini menunjukkan hampir keseluruhan responden dikategorikan sebagai B40 dalam kategori B1.

Jadual 7. Pendapatan bulanan keluarga responden

Pendapatan bulanan keluarga (n=132)	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Bawah RM2500 (B1)	122	92.4
RM2500 hingga RM3169 (B2)	8	6.1
RM3170 hingga RM3969 (B3)	0	0
RM3970 hingga RM4849 (B4)	2	1.5
Min		1117.94
Sisihan piawai		837.60

2. Tahap Tekanan Ekonomi, Konflik Perkahwinan dan Kesejahteraan Mental

Dapatan analisis deskriptif (Jadual 8) menunjukkan nilai purata bagi pemboleh ubah tekanan ekonomi adalah sebanyak 11.14 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 2.43. Hasil kajian mendapati 65 orang responden (49.2%) berada pada tahap tekanan ekonomi yang sederhana manakala seramai 61 orang responden (46.2%) berada pada tahap tekanan ekonomi yang tinggi. Sementara hanya 6 orang responden (4.5%) berada pada tahap tekanan ekonomi yang rendah.

Bagi pemboleh ubah konflik perkahwinan, nilai purata bagi pemboleh ubah ini adalah 17.56 dengan nilai sisihan piawai adalah 4.56. Pengkelasan konflik perkahwinan mengikut tahap mendapati majoriti responden menghadapi konflik perkahwinan yang sederhana dan tinggi dengan jumlah responden menghadapi konflik perkahwinan sederhana adalah 63 orang (47.7%) dan responden yang menghadapi konflik perkahwinan tinggi adalah seramai 59 orang (44.7%). Hanya 10 orang responden (7.6%) yang menghadapi konflik perkahwinan yang rendah.

Bagi pemboleh ubah kesejahteraan mental pula, nilai purata yang diperoleh adalah 22.42 dengan nilai sisihan piawai adalah 4.15. Pengkelasan mengikut tahap mendapati majoriti responden iaitu 112 orang (84.8%) mempunyai tahap kesejahteraan mental yang sederhana. Manakala sebanyak 15 orang responden (11.4%) mempunyai tahap kesejahteraan mental yang tinggi dan hanya 5 orang responden (3.8%) mempunyai tahap kesejahteraan mental yang rendah.

Jadual 8. Analisis Deskriptif Pemboleh ubah Kajian

Pemboleh ubah	Tahap	Kekerapan	Peratus	Purata	Sisihan Piawai
Tekanan Ekonomi	Rendah	6	4.5	11.14	2.43
	Sederhana	65	49.2		
	Tinggi	61	46.2		
Konflik Perkahwinan	Rendah	10	7.6	17.56	4.56
	Sederhana	63	47.7		
	Tinggi	59	44.7		
Kesejahteraan Mental	Rendah	5	3.8	22.42	4.15
	Sederhana	112	84.8		
	Tinggi	15	11.4		

Perbincangan

Kajian yang dilakukan bertujuan mengenalpasti profil demografi isteri penagih dadah B40 di Malaysia serta mengenalpasti tahap tekanan ekonomi, konflik perkahwinan dan kesejahteraan mental mereka. Bagi dapatan kajian bagi obektif yang pertama iaitu mengenalpasti profil demografi isteri penagih dadah B40 di Malaysia, terdapat beberapa dapatan yang menarik untuk dibincangkan. Pertamanya adalah dari segi umur responden. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden berada pada tahap umur pertengahan dewasa iaitu dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun. Menurut Sirgy (2021), umur seseorang individu memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kesejahteraan mereka. Bagi wanita yang berada dalam lingkungan umur pertengahan dewasa, kelompok ini cenderung berhadapan dengan kesejahteraan yang rendah kerana pada tahap ini mereka memainkan peranan yang pelbagai dalam kehidupan seperti peranan dalam keluarga, peranan di tempat kerja dan peranan dalam komuniti. Faktor budaya yang menekankan fungsi wanita sebagai penjaga kepada anak dan ibu bapa yang tua turut menyebabkan golongan ini berisiko berhadapan dengan kesejahteraan yang rendah. Dapatan bagi tahap pendidikan mendapati majoriti responden berada pada tahap pendidikan menengah atas. Dapatan ini menunjukkan majoriti responden kajian sekurang-kurangnya menamatkan pendidikan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Bagi tempoh perkahwinan pula, kebanyakan responden berada dalam tempoh perkahwinan antara 0 hingga 15 tahun. Manakala dapatan kajian terhadap bilangan anak yang berusia 17 tahun ke bawah mendapati majoriti responden mempunyai seramai seorang hingga tiga orang. Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai pendapatan bulanan keluarga dalam

kelompok B1 iaitu kelompok pendapatan isi rumah terendah berdasarkan pendefinisan B40 mengikut pendefinisan yang dikemukakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dapatan kajian bagi mengenalpasti tahap tekanan ekonomi mendapati majoriti responden iaitu sebanyak 49.2% mempunyai tahap tekanan ekonomi yang sederhana. Walaupun majoriti responden mempunyai tahap tekanan ekonomi yang sederhana, namun bilangan responden yang mempunyai tahap tekanan ekonomi yang tinggi adalah hampir menyamai bilangan responden yang berada pada tahap tekanan ekonomi yang sederhana iaitu sebanyak 46.2%. Dapatan kajian ini adalah seperti yang dijangkakan kerana penetapan kriteria pemilihan responden kajian adalah terdiri daripada isteri penagih dadah B40 di Malaysia. Dapatan kajian ini turut menyokong dapatan daripada pengkaji lepas yang mendapati isteri penagih dadah berisiko berhadapan dengan tekanan ekonomi (Bekircan & Tanriverdi, 2019; Maina et al., 2021; Schultz & Alpaslan, 2020; Ventura et al., 2017). Menurut Beverly (2008), individu yang menghadapi tekanan ekonomi menghadapi kesukaran untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan akibat kekangan kewangan seperti makanan, utiliti, penjagaan perubatan dan pakaian.

Bagi tahap konflik perkahwinan pula, dapatan kajian mendapati kebanyakan responden menghadapi konflik perkahwinan yang sederhana dan tinggi. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian lepas di negara Barat yang mendapati isteri penagih dadah ber²⁸lapan dengan konflik perkahwinan yang tinggi (Bekircan & Tanriverdi, 2019; Carney et al., 2021; Maina et al., 2021; Schultz & Alpaslan, 2020; Ventura et al., 2017; Wilson et al., 2019). Menurut Segrin dan Flora (2005), konflik perkahwinan secara semula jadi dapat dilihat melalui tiga aspek iaitu topik sesuatu konflik, jenis sesuatu konflik dan kekerapan konflik. Dari aspek topik sesuatu konflik, ia melibatkan dua isu iaitu isu kandungan (seperti kerja rumah dan kewangan) dan isu perhubungan (seperti kasih sayang, kuasa dan perhatian). Jenis konflik pula dibahagikan kepada dua jenis iaitu konflik jenis yang boleh diselesaikan dan konflik jenis berkekalan. Konflik yang boleh diselesaikan kebiasaannya melibatkan isu yang agak kecil dan dapat diselesaikan dengan penyelesaian yang betul manakala konflik yang berkekalan adalah melibatkan isu yang besar dan ianya akan sentiasa berulang dalam proses perkahwinan. Aspek kekerapan konflik pula merujuk kepada bilangan konflik yang berlaku dalam sesuatu tempoh masa. Sehubungan itu, dapatan kajian ini menunjukkan isteri penagih dadah diandaikan cenderung berhadapan dengan ketiga-tiga aspek konflik tersebut.

Akhir sekali, dapatan kajian bagi mengukur tahap kesejahteraan mental mendapati majoriti responden mempunyai tahap kesejahteraan mental yang sederhana. Dapatan kajian ini agak bercanggah dengan dapatan daripada pengkaji lepas di negara Barat yang mendapati isteri penagih dadah cenderung berhadapan dengan kesejahteraan mental yang rendah. Dapatan ini merupakan satu dapatan yang menarik kerana walaupun diandaikan berhadapan dengan pelbagai isu negatif dalam kehidupan akibat daripada penagihan dadah suami (Da Costa et al., 2017; Wilson et al., 2017), namun kesejahteraan mental responden masih berada pada tahap yang sederhana. Sirgy (2020) secara umumnya mendefinisikan kesejahteraan mental sebagai keadaan emosi, psikologikal dan sosial seseorang individu yang memberi impak terhadap bagaimana individu berfikir, berperasaan dan bertingkah laku dalam kehidupan seharian. Berdasarkan definisi oleh Sirgy (2020), dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa isteri penagih dadah masih berupaya untuk berfikir, berperasaan dan bertingkah laku dengan baik dalam kehidupan seharian walaupun suami mereka terlibat dengan ketagihan dadah. Bagi membincangkan dapatan ini, faktor sosio-budaya mungkin perlu diambil perhatian. Faktor agama Islam yang dianuti oleh responden contohnya berkemungkinan dapat menjelaskan bagaimana dapatan kajian ini berlaku. Agama Islam menyarankan agar penganutnya tidak berputus asa dan hilang harapan dalam hidup walaupun ketika berada dalam keadaan yang sukar disamping percaya bahawa konsep kebahagiaan dan kesejahteraan bukanlah diukur melalui pencapaian terhadap kebendaan atau material sebaliknya kesejahteraan dapat dicapai melalui pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah (Joshnloo & Weijers, 2019). Disamping itu, Sirgy (2020) menyatakan bahawa kesejahteraan mental seseorang individu bukan dipengaruhi oleh satu-satu faktor sahaja, sebaliknya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor biologi, psikologi, psikososial dan sosiobudaya.

Kesimpulan

Hasil kajian ini dapat memberikan gambaran awal berkaitan tahap tekanan ekonomi, konflik perkahwinan dan kesejahteraan mental dalam kalangan isteri penagih dadah B40 di Malaysia. Memandangkan kajian yang mengkhususkan kepada kelompok ini sangat terhad, dapatan kajian ini secara tidak langsung dapat memberi pendedahan awal kepada pengkaji sains sosial serta pengamal psikologi dalam melakukan kajian lanjutan serta menyediakan pelan intervensi yang bersesuaian. Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden kajian mempunyai tahap tekanan ekonomi dan konflik perkahwinan pada tahap sederhana dan tinggi. Manakala, dapatan bagi pemboleh ubah kesejahteraan mental pula mendapati kebanyakan responden kajian berada pada tahap kesejahteraan mental sederhana. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa limitasi kajian telah dikenalpasti. Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan, generalisasi terhadap kesemua isteri penagih dadah B40 di Malaysia tidak dapat dilakukan. Justeru, dapatan kajian ini terhad kepada responden kajian ini sahaja. Limitasi kedua adalah dari segi pemilihan kaedah analisis data yang telah digunakan. Kaedah analisis deskriptif yang digunakan hanya dapat memberi gambaran awal berkaitan tahap tekanan ekonomi, konflik perkahwinan dan kesejahteraan mental responden sahaja. Namun, saling perkaitan antara ketiga-tiga pemboleh ubah ini tidak dapat dikenalpasti. Sehubungan itu, kajian lanjutan perlu dilakukan dengan melibatkan sampel yang lebih besar, pemilihan pemboleh ubah lain yang bersesuaian dan kaedah penganalisan data yang lebih mendalam. Sebagai kesimpulan, kajian yang dilakukan dapat memberikan pendedahan kepada pengkaji lain dan ahli profesional dalam memberi perhatian yang sewajarnya kepada kelompok ini.

Penghargaan: Ucapan penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia di atas pembiayaan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS/1/2019/SS05/UPM/02/6) bagi projek penyelidikan bertajuk 'Pemodelan Daya Tindak, Adaptasi dan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Isteri B40 Kepada Penagih Dadah di Malaysia'. Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan responden kajian di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan kajian ini.

Kelulusan Etika 18 Kelulusan etika kajian ini diperoleh melalui Jawatankuasa Etika Penyelidikan Melibatkan Subjek Manusia Universiti Putra Malaysia (Jawatankuasa Etika Universiti Penyelidikan Melibatkan Manusia) dengan No. Rujukan: JKEUPM-2020-406.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan bertulis daripada peserta kajian telah diperoleh sebelum temubual dilakukan.

Konflik Kepentingan: Diakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud antara semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- 9 Agboola, J. O., & Oluwatosin, S. A. (2018). Patterns and Causes of Marital Conflict Among Staff of Selected Universities in Southwest Nigeria. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 5(8), 306–320. <https://doi.org/10.14738/assrj.58.4988>
- 17 Agensi Antidadah Kebangsaan. (2023). *Statistik Penyalah Guna dan Penagih Dadah serta Bahan Bagi Tahun 2023*. Infografik. <https://www.adk.gov.my/infografik-statistik-penyalah-guna-dan-penagih-dadah-serta-bahan-bagi-bulan-januari-mac-tahun-2023/>
- 1 Bekircan, E., & Tanriverdi, D. (2019). Adverse effects on people's lives and functioning and marital 20 adjustment of substance use disorder in the Turkish population. *Journal of Substance Use*. <https://doi.org/10.1080/14659891.2019.1675786>
- Beverly, S. G. (2008). Measures of Material Hardship. *Journal of Poverty*, 5(1), 23–41. https://doi.org/10.1300/J134v05n01_02

- Bortolon, C. B., Signor, L., Moreira, T. de C., Figueiró, L. R., Benchaya, M. C., Ferigolo, M., Machado, C. A., & Barros, H. M. T. (2016). Family functioning and health issues associated with codependency in families of drug users. *Cien Saude Colet*, 21(1), 101–107. <https://doi.org/10.1590/1413-81232015211.20662014>
- 25 Bubolz, M. M., & Sontag, M. S. (2009). Human Ecology Theory. In *Sourcebook of Family Theories and Methods: A Contextual Approach* (pp. 419–448). Springer Science+Business Media. <https://doi.org/10.1007/978-0-387-85764-0>
- 45
- 1 Carney, T., Chibambo, V., Ward, C., & Myers, B. (2021). A Qualitative Study of caregiver's Perceptions and Needs Around Adolescent Substance Use and Other Risk Behaviours. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 19(5), 1485–1496. <https://doi.org/10.1007/s11469-020-00238-8>
- Da Costa, B., Marcon, S. S., Paiano, M., Sales, C. A., Maftum, M. A., & Waidman, M. A. P. (2017). Sentimentos e comportamentos codependentes em familiares de usuários de drogas ilícitas. *Acta Scientiarum - Health Sciences*, 39(2), 175–181. <https://doi.org/10.4025/actascihealthsci.v39i2.27781>
- 39
- 4 Fathi, M., Khakrangin, M., Haghdin, M., & Janadleh, A. (2020). Exploring the problems and needs of women whose spouses are involved in substance use: a qualitative research study in an Iranian context. *Journal of Substance Use*, 25(4), 363–366. <https://doi.org/10.1080/14659891.2019.1704080>
- 36 Fauziah Ibrahim, Ezrina Zakaria, Nor Jana Saim, Salina Nen, & Mohd Norahim Mohamed Sani. (2017). Resilience Factors Among The Former Drug Users to Remain Drug-Free. *E-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(1), 60–74.
- 3 Fereidouni, Z., Joolae, S., Fatemi, N. S., Mirlashari, J., Meshkibaf, M. H., & Orford, J. (2015). What is it like to be the wife of an addicted man in Iran? A qualitative study. *Addiction Research and Theory*, 23(2), 99–107. <https://doi.org/10.3109/16066359.2014.943199>
- 7 Horta, A. L. de M., Daspett, C., Egito, J. H. T. do, & Macedo, R. M. S. de. (2016). Experience and coping strategies in relatives of addicts. *Revista Brasileira de Enfermagem*, 69(6), 1024–1030. <https://doi.org/10.1590/0034-7167-2015-0044>
- 24 Isaacs, V., Muhammad, N., Mustafa, L. H. M. A. W. H. A. W. R. N. S., & Zakaria, N. F. A. M. F. N. H. (2019). Hubungan antara Penagihan Dadah dengan Keganasan Rumah Tangga (The Hubungan antara Penagihan Dadah dengan Keganasan Rumah Tangga (The Relationship between Drug Addiction and Domestic Violence). 25(January), 7–14.
- 8 Joshanloo, M., & Weijers, D. (2019). Islamic Perspectives on Wellbeing. In L. Lambert & N. Pasha-Zaidi (Eds.), *Positive Psychology in the Middle East/North Africa*. Springer Nature Switzerland AG. https://doi.org/https://doi.org/10.1007/978-3-030-13921-6_11
- Maina, G., Ogenchuk, M., Phaneuf, T., & Kwame, A. (2021). “I can’t live like that”: the experience of caregiver stress of caring for a relative with substance use disorder. *Substance Abuse: Treatment, Prevention, and Policy*, 16(1), 1–16. <https://doi.org/10.1186/s13011-021-00344-3>
- 12 Mills, R. J., Grasmick, H. G., Morgan, C. S., & Wenk, D. (1992). The Effects of Gender, Family Satisfaction, and Economic Strain on Psychological Well-Being. *Family Relations*, 41(4), 440–445. <https://doi.org/10.2307/585588>
- 5 Noori, R., Jafari, F., Moazen, B., Vishteh, H. R. K., Farhoudian, A., Narenjiha, H., & Rafiey, H. (2015). Evaluation of anxiety and depression among female spouses of Iranian male drug dependents. *International Journal of High Risk Behaviors and Addiction*, 4(1), 1–6. <https://doi.org/10.5812/ijhrba.21624>
- 2 Nurul Saidatus Shaja'ah Ahmad Shahril, Zarinah Arshat, & Haikal Anuar Adnan. (2023). Isteri B40 kepada penagih dadah di Malaysia: Strategi daya tindak, sumber daya tindak dan kesejahteraan psikologi (Wives of B40 drug addicts in Malaysia: Coping strategies, coping resources, and psychological well-being). *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 166–177.
- 14 Okuda, M., Olfson, M., Wang, S., Rubio, J. M., Xu, Y., & Blanco, C. (2015). Correlates of Intimate Partner Violence Perpetration: Results From a National Epidemiologic Survey. *Journal OfTraumatic Stress*, 28, 49–56. <https://doi.org/10.1002/jts>
- Ólafsdóttir, J., Hrafnadóttir, S., & Orjasniemi, T. (2018). Depression, anxiety, and stress from substance-use

- disorder among family members in Iceland. *NAD Nordic Studies on Alcohol and Drugs*, 35(3), 165–178. <http://doi.org/10.1177/1455072518766129>
- Ólafsdóttir, J. M. (2020). *Addiction within families The impact of substance use disorder on the family system* [University of Iceland]. <http://urn.fi/URN:ISBN:978-952-337-229-0>
- Sarkar, S., Patra, B., & Kattimani, S. (2016). Substance use disorder and the family: An Indian perspective. *Med J DY Patil Univ*, 9(1), 7–13. <http://doi.org/10.4103/0975-2870.172413>
- Schultz, P., & Alpaslan, A. H. (Nicky). (2020). Playing The Second Fiddle - The Experiences, Challenges and Coping Strategies Of Concerned Significant Others Of Partners With A Substance Use Disorder: Informing Social Work Interventions. *Social Work*, 56(4), 430–446. <https://doi.org/doi:http://dx.doi.org/10.15270/52-2-885> PLAYING
- Grin, C., & Flora, J. (2005). *Family Communication*. Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Sirgy, M. J. (2020). *Positive Balance: A Theory of Well-Being and Positive Mental Health*. Springer. <https://doi.org/https://doi.org/10.1007/978-3-030-40289-1>
- Sirgy, M. J. (2021). The Psychology of Quality of Life: Wellbeing and Positive Mental Health. In *Social Indicators Research Series* (Third Edit, Vol. 83). Springer. <https://doi.org/https://doi.org/10.1007/978-3-030-71888-6>
- Soares, A. J., Ferreira, G., & Graça Pereira, M. (2016). Depression, distress, burden and social support in caregivers of active versus abstinent addicts. *Addiction Research and Theory*, 24(6), 483–489. <https://doi.org/10.3109/16066359.2016.1173681>
- Subekti, H., Rahmat, I., & Wilopo, S. (2021). Stress-adaptation among family of adolescent with substance misuse: Systematic literature review. *Open Access Macedonian Journal of Medical Sciences*, 9, 474–480. <https://doi.org/10.3889/oamjms.2021.6696>
- Ventura, C. A. A., Carrara, B. S., Bobbili, S., Vedana, K. G. G., Khenti, A., Hayashida, M., & Ferreira, P. S. (2017). General Beliefs and Stigma Regarding Illicit Drug Use: Perspectives of Family Members and Significant Others of Drug Users in an Inner City in Brazil. *Issues in Mental Health Nursing*, 38(9), 712–716. <https://doi.org/10.1080/01612840.2017.1335362>
- Vilela, T. dos R., Rocha, M. M. da, Figlie, N. B., & Mari, J. de J. (2019). Association between psychosocial stressors with emotional and behavioral problems among children of low-income addicted families living in Brazil. *Child Abuse and Neglect*, 92(February), 12–21. <https://doi.org/10.1016/j.chiabu.2019.03.005>
- Wan Shahrzad Wan Sulaiman, Mohammad Rahim Kamaluddin, Ezarina Zakaria, Fauziah Ibrahim, Nazirah Hassan, Salina Nen, Jamiah Manap, Zainah Ahmad Zamani, & Fatimah Yusoff. (2021). Sokongan Sosial Dan Kesihatan Mental Dan Pengaruhnya Terhadap Kerentanan Penglibatan Penagih Dadah Serta Pelencongan Sosial Dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(5), 244–259. <https://journalarticle.ukm.my/17746/1/49498-160763-1-SM.pdf>
- Wilson, S. R., Lubman, D. I., Rodda, S., Manning, V., & Yap, M. B. H. (2017). The personal impacts of having a partner with problematic alcohol or other drug use: descriptions from online counselling sessions. *Addiction Research and Theory*, 26(4), 315–322. <https://doi.org/10.1080/16066359.2017.1374375>
- Wilson, S. R., Lubman, D. I., Rodda, S., Manning, V., & Yap, M. B. H. (2019). The impact of problematic substance use on partners' interpersonal relationships: qualitative analysis of counselling transcripts from a national online service. *Drugs: Education, Prevention and Policy*, 26(5), 429–436. <https://doi.org/10.1080/09687637.2018.1472217>

Tekanan Ekonomi, Konflik Perkahwinan dan Kesejahteraan Mental dalam Kalangan Isteri Penagih Dadah B40 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal

ORIGINALITY REPORT

20%

SIMILARITY INDEX

%

INTERNET SOURCES

15%

PUBLICATIONS

16%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

- 1** Submitted to Adtalem Global Education 1%
Student Paper
- 2** Haikal Anuar Adnan, Zarinah Arshat, Nurul Saidatus Shaja'ah Ahmad Shahril. "A cross-sectional study of Malaysian low-income drug addict wives: Relationship between family impact, coping and mental wellbeing", F1000Research, 2022 1%
Publication
- 3** Submitted to Glasgow Caledonian University 1%
Student Paper
- 4** Submitted to Purdue University 1%
Student Paper
- 5** Esmaeil Ramezani, Mojtaba Rahimian Bougar, Siamak Khodarahimi, Mohammad Damavandi Forghani, Nasrollah Mazraeh. "Men's opiate-derived drug abuse and psychopathology in their wives: a systematic review and meta-analysis", Current Psychology, 2023 1%

6	Submitted to Universiti Teknologi Malaysia Student Paper	1 %
7	Submitted to Weber State University Student Paper	1 %
8	Winata Wira, Yudhanto Satyagraha Adiputra. "Krisis Ekonomi, Kesejahteraan dan Tata Pemerintahan yang Baik : Perspektif Islam", KEMUDI : Jurnal Ilmu Pemerintahan, 2021 Publication	1 %
9	Olabimpe Ajoke Olatunji, Erhabor Sunday Idemudia. "The multidimensionality of inter- parental conflict on aggression and mental health among adolescents", Heliyon, 2021 Publication	1 %
10	Rukiye Pinar Boluktas. "Caregiving burden of family caregivers of substance-addicted people in Turkey", Perspectives in Psychiatric Care, 2021 Publication	1 %
11	Ezhar Tamam, Moniza Waheed. "Intercultural Communication Study in Malaysia", Wiley, 2017 Publication	1 %
12	Submitted to Radboud Universiteit Nijmegen Student Paper	1 %

13	Arturo Barraza Macías. "Validación de la Warkwick-Edinburgh Mental Well-being Scale (V5) en una población estudiantil mexicana", Revista INFAD de Psicología. International Journal of Developmental and Educational Psychology., 2020 Publication	1 %
14	Submitted to University of Brighton Student Paper	1 %
15	Arash Heydari, Ali Teymoori, Hedayat Nasiri. "Development of Suicidality within Socioeconomic Context: Mediation Effect of Parental Control and Anomie", OMEGA - Journal of Death and Dying, 2014 Publication	1 %
16	Submitted to Universiti Putra Malaysia Student Paper	1 %
17	Submitted to Universiti Malaysia Terengganu UMT Student Paper	<1 %
18	"Handbook of DNA Profiling", Springer Science and Business Media LLC, 2022 Publication	<1 %
19	Shira Sobol-Goldberg, Rotem Izhaki, Belle Gavriel-Fried. "Social messages toward women living with spouses who have alcohol use disorder", Family Relations, 2023	<1 %

20

Submitted to Tulane University

Student Paper

<1 %

21

Submitted to Royal College of Music

Student Paper

<1 %

22

Awanis Binti Mohd, Ainunmadiyah Binti Mohd Nawawi, Dr Siti Noor Binti Ismail. "TAHAP EFIKASI GURU DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN SEKOLAH DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DALAM DAERAH BACHOK", Proceedings of The ICECRS, 2016

Publication

<1 %

23

"Chapter 303135 PDQ-39SI", Springer Science and Business Media LLC, 2023

Publication

<1 %

24

Submitted to Monash University

Student Paper

<1 %

25

Submitted to Universidad de Salamanca

Student Paper

<1 %

26

Submitted to Universiti Malaysia Sarawak

Student Paper

<1 %

27

Submitted to University of Malaya

Student Paper

<1 %

28

Belisa Vieira da Silveira. "Uso de maconha e envolvimento em gangues por adolescentes em cumprimento de internação"

<1 %

socioeducativa", Universidade de Sao Paulo,
Agencia USP de Gestao da Informacao
Academica (AGUIA), 2021

Publication

29

Submitted to Edith Cowan University

Student Paper

<1 %

30

Submitted to University of Central Lancashire

Student Paper

<1 %

31

Submitted to Mahidol University

Student Paper

<1 %

32

Submitted to Tilburg University

Student Paper

<1 %

33

Submitted to Universiti Pertahanan Nasional
Malaysia

Student Paper

<1 %

34

Submitted to University Tun Hussein Onn
Malaysia

Student Paper

<1 %

35

Benedicto Lukanima. "Chapter 146
Bankruptcy", Springer Science and Business
Media LLC, 2023

Publication

<1 %

36

Submitted to Universiti Sains Islam Malaysia

Student Paper

<1 %

37

Submitted to Universiti Utara Malaysia

Student Paper

<1 %

38

Submitted to 於2012-06-19提交至Universiti
Sains Malaysia

Student Paper

<1 %

39

Bruna Da Costa, Sonia Silva Marcon, Marcelle
Paiano, Catarina Aparecida Sales et al.
"Feelings and codependent behavior in the
family of illicit drugs users", Acta
Scientiarum. Health Sciences, 2017

Publication

<1 %

40

Submitted to Jabatan Pendidikan
Politeknik Dan Kolej Komuniti

Student Paper

<1 %

41

Marco Di Sarno, Valentina De Candia,
Fabio Rancati, Fabio Madeddu, Raffaella
Calati, Rossella Di Pierro. "Mental and
physical health in family members of
substance users: A scoping review", Drug
and Alcohol Dependence, 2020

Publication

<1 %

42

Catherine O'Brien. "'It's just nice not to be
on screens': exploring the relationship
between pottery making, eudemonic
wellbeing, and Instagram", Leisure
Studies, 2023

Publication

<1 %

43

Heru Subekti, Ibrahim Rahmat, Siswanto
Wilopo. "Stress-adaptation among Family
of Adolescent with Substance Misuse:

<1 %

Systematic Literature Review", Open Access Macedonian Journal of Medical Sciences, 2021

Publication

44

M. Joseph Sirgy. "Chapter 29 Integrative Models of Wellbeing", Springer Science and Business Media LLC, 2021

Publication

<1%

45

Submitted to University of Melbourne

Student Paper

<1%

46

Liebling, Alison, Maruna, Shadd, McAra, Lesley. "The Oxford Handbook of Criminology", The Oxford Handbook of Criminology, 2023

Publication

<1%

47

Submitted to

Student Paper

<1%

48

Submitted to Mount St. Marys College

Student Paper

<1%

Exclude quotes Off

Exclude matches Off

Exclude bibliography Off